



---

## *Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang*

---

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor  
(Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 3. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**  
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**  
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





# Muslim Hakiki, Pekerja Berkualiti

خطبة خاص تاهون بارو 2023  
(6 Januari 2023M / 13 Jamadilakhir 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَرَنَا بِحِفْظِ الْأَمَانَةِ، وَنَهَانَا عَنِ التَّضْيِيعِ وَالْخِيَانَةِ،  
وَحَثَّنَا عَلَى الرُّقِيِّ فِي مَدَارِجِ الْكَمَالِ، وَالْإِثْقَانِ فِي أَدَاءِ الْأَعْمَالِ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْأَعْلَى،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَحَبِيبُهُ الْمُجْتَبَى.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَأَتَّبَعَهُ أَهْلُ الْبِرِّ  
وَالْوَفَاءِ، وَأَرْبَابِ الْإِثْقَانِ وَالصِّفَاءِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، إِنَّ تَقْوَى اللَّهِ هِيَ جِمَاعُ الْخَيْرَاتِ،  
وَسِيَاجُ السَّلَامَةِ لِلْأَفْرَادِ وَالْمُجْتَمَعَاتِ

## SIDANG MUSLIMIN TETAMU JUMAAT YANG SAYA KASIHI,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita semua bertakwa kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan sepenuh hati. Sesungguhnya takwa bermaksud kita melaksanakan segala perintah Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dan menjauhi segala larangan-Nya. Dengan demikian insya-Allah kita akan mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab yang boleh mengurangkan pahala, iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-bual, tidur dengan



sengaja, bermain telefon bimbit dan menggerakkan tabung kutipan semasa khatib sedang berkhotbah. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Muslim Hakiki, Pekerja Berkualiti.**”

## **SIDANG MUSLIMIN TETAMU JUMAAT YANG SAYA KASIHI,**

Alhamdulillah, pada hari ini kita telah berada pada hari keenam tahun baru 2023 Masihi. Semua jemaah perlu menyedari bahawa kerja dan kreativiti menduduki posisi yang mulia di dalam agama Islam. Islam mewajibkan umatnya bekerja untuk mencari rezeki dengan tidak bersikap malas yang hanya mengharapkan bantuan orang lain.

Mencari rezeki yang halal merupakan sebahagian daripada ibadah. Dalam usaha mencari rezeki, Islam tidak hanya mendorong umatnya untuk bekerja kuat sahaja. Malah pekerjaan yang dilakukan mestilah berkualiti dan memenuhi tahap kerja yang paling sempurna serta mencapai objektifnya. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah ﷺ:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتْقِنَهُ

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah Taala amat menyukai di kalangan kamu, orang yang melakukan sesuatu pekerjaan dengan tekun.*”

(Hadis Riwayat At Tabarani)

Nilai itqan akan muncul apabila ada kegigihan dan peningkatan prestasi kerja. Seseorang juga hendaklah menghindari gejala keruntuhan motivasi kerja seperti malas, tidak berdisiplin, pentingkan diri dan bekerja hanya cukup makan sahaja.

## **SIDANG HADIRIN YANG BERBAHAGIA,**

Dunia pengurusan dan kerjaya pasti terjejas jika dilaksanakan secara sambal lewa sehingga menghasilkan impak **yang negatif**. Justeru bekerja tanpa menekankan aspek kualiti dan itqan adalah satu pembaziran.



Pembaziran tenaga hasil kualiti kerja yang rendah akan mengakibatkan kerugian yang besar kepada negara. Jika disingkap kembali kejayaan umat masa silam dalam membina tamadun, kita dapati ia disebabkan oleh ketekunan mereka dengan mengahayati nilai itqan dan ihsan. Kejayaan demikian boleh dijadikan contoh oleh umat Islam masa kini.

## SAUDARAKU MUSLIMIN YANG DIKASIHI,

Penerapan nilai jihad *fi Sabilillah* dalam pekerjaan juga dapat melonjakkan kesedaran umat Islam untuk bekerja dengan tekun. Jihad di dalam pekerjaan yang halal, merangkumi usaha menyediakan keperluan asas seperti makan, minum, pakaian dan kediaman untuk diri sendiri dan tanggungan.

Nilai jihad tidak hanya menekankan kewajipan bekerja tetapi juga menekankan aspek kecekapan dan efisien. Tanpa nilai tersebut, sesebuah institusi pasti gagal dalam mencapai objektifnya apatah lagi sekiranya sesuatu tugas disandang oleh seorang yang bersikap sambil lewa dan tidak menekuninya.

Setiap pekerja Muslim tidak kira apa jua jawatan sama ada sebagai seorang majikan atau pekerja adalah terikat dengan nilai dan peraturan Allah. Firman-Nya dalam surah Al Qasas ayat 77 yang berbunyi:

وَأَتَّبِعْ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۗ وَلَا تَنْسَ نَصِيْبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۗ وَأَحْسِنَ ۗ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۗ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya: “Dan tuntutilah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah) dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.”



Dalam ayat ini Allah mengarahkan manusia agar mendambakan akhirat di samping tidak melupai bahagian duniawi. Namun dalam merebut habuan duniawi, janganlah kita melakukan kerosakan seperti pengkhianatan, korupsi dan sebagainya.

## MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Mengakhiri khutbah, khatib ingin menegaskan sekali lagi bahawa keazaman pada setiap kali memasuki tahun baru, tidak akan tercapai kecuali dengan adanya perubahan. Perubahan merupakan suatu unsur universal yang menjadi sunnatullah dalam kehidupan manusia. Sesiapa yang lambat melakukan perubahan bererti dia sengaja membiarkan dirinya terus dalam keadaan beku dan mundur.

Bagi umat Islam, perubahan minda, tingkah laku dan cara hidup (*life style*) yang berlandaskan Al Quran dan Sunnah merupakan syarat asas untuk mencapai sebarang kejayaan di dunia mahupun akhirat. Justeru dengan kedatangan tahun baru ini, kita mesti berusaha untuk berubah menjadi warga yang baik, pekerja yang amanah, ketua keluarga yang berdedikasi, ahli politik berintergriti, dan pemimpin negara yang bertanggungjawab bagi meraih keredhaan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam surah Al Jumuah ayat 10:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِن فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا  
لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Kemudian setelah selesai solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالْحِكْمَةِ، أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، إِنْ كَانَ صَوَابًا فَمِنَ اللهِ الْمَنَّانِ، وَإِنْ كَانَ خَطَأً فَمِنْ نَفْسِي وَالشَّيْطَانِ،  
وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





# خطبة كدوا بولن جانواري

2023M/ 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيْقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا  
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلَّم عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ نِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا.

اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ  
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَىٰ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP). Semoga sumbangan 10% daripada hasil kutipan Tabung Jumaat mingguan dari setiap masjid kepada Tabung Wakaf yang telah ditubuhkan, menjadi saham yang berkekalan manfaatnya, di dunia dan akhirat.*

*Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta,*



memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara. Jauhkan kami dari tergolong dalam kalangan orang-orang yang mengabaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ،  
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٥﴾